

BERSYUKUR SAYA KE-HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA  
KERANA ATAS PERKENAN DAN LIMPAH KURNIANYA, MAKA  
SEKALI LAGI KITA BERKUMPUL UNTUK MENZAHIRKAN  
KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-56 PADA PAGI INI.

SIDANG KONGRES DAN PARA HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI,

IZINKAN SAYA MEMBAWA KITA SEMUA UNTUK MENGIMBAU  
KEMBALI SEDIKIT SEJARAH BOLA SEPAK NEGARA. APABILA  
IDEA UNTUK MENGUBAH BOLA SEPAK NEGARA KE ARAH  
PROFESIONAL MULA DISEMAI PADA TAHUN 1987, PELBAGAI  
USAHA DAN PERANCANGAN TELAH DI LAKSANAKAN DALAM  
TEMPOH HAMPIR 2 TAHUN SEHINGGA LAHIRNYA LIGA SEMI  
PRO PADA TAHUN 1989 DAN SETERUSNYA LIGA PERDANA  
PADA TAHUN 1994. PADA MASA ITU, SEMUA PERUBAHANINI  
BERMATLAMAT UNTUK MENJADIKAN BOLA SEPAK NEGARA  
SEBAGAI SATU INDUSTRI BAHRU, ATAS KESEDARAN,  
KEMAJUAN BOLA SEPAK NEGARA TIDAK AKAN MAMPU UNTUK  
DIGERAKKAN ANDAINYA IA KEKAL SEBAGAI SATU SUKAN  
RIADAH SAHAJA. MELALUI TINDAKAN DAN PERUBAHANINI  
TELAH MELONJAKKAN NILAI KOMERSIAL BOLA SEPAK  
NEGARA SEHINGGA MENERIMA BIDAAN TERTINGGI  
DARIPADA RAKAN KOMERSIAL SEPERTI DUNHILL DENGAN  
NILAI YANG MENCECAH PULUHAN JUTA RINGGIT SETAHUN.  
RATA-RATA DARIPADA KITA YANG TERLIBAT DALAM KANCAH  
LIGA SEMI PRO DAN SETERUSNYA LIGA PERDANA TURUT DAN  
TELAH MENIKMATI HABUAN DARIPADA PEMBIAYAANINI.

TATKALA KITA SEMUA DIBUAI DENGAN KEINDAHAN INDUSTRI  
BAHRUINI, PADA TAHUN 1994, BOLA SEPAK NEGARA TELAH  
DIKEJUTKAN OLEH SKANDAL MATCH FIXING SEHINGGA  
IANYA HAMPIR MELUMPUHKAN BUKAN SAHAJA  
PERKEMBANGAN BOLA SEPAK, BAHKAN JUGA INDUSTRI

YANG BARU DIPERKEMBANGKANINI. PENYOKONG DAN PEMINAT BOLA SEPAK NEGARA MULA MENYISIHKAN DIRI DAN IANYA CUKUP KETARA APABILA KEHADIRAN KE STADIUM MERUDUM SEHINGGA MENCECAH 50%, BERBANDING SEBELUMNYA.

KETIKA ITU FAM TERPAKSA BERDEPAN DENGAN SITUASI YANG CUKUP GENTING. MEMAKSA DIRI UNTUK MENANGANI ANCAMAN YANG SEBESARINI TANPA DILENGKAPI DENGAN SEBARANG PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN MENDALAM MENGENAINYA. KESABARAN YANG DIIMBANGI DENGAN PERPADUAN DARIPADA SETIAP PEMEGANG TARUH BOLA SEPAK NEGARA ADALAH MERUPAKAN SATU-SATUNYA KEKUATAN YANG ADA. BERKAT DARIPADA KESUNGGUHAN DAN KESEPAKATANINI, PERMASALAHAN BERKENAAN TELAH MAMPU DITANGANI DAN SEGALA USAHA PEMBENDUNGAN TELAH MULA DIGERAKKAN. HAKIKATNYA, IMPAK DARIPADA PERMASALAHAN SEBESARINI TELAH MEMAKAN HAMPIR BERTAHUN JUGA UNTUK FAM MENGEMBALIKAN KEYAKINAN SEMUA PIHAK DAN SETERUSNYA MENGHIDUPKAN SEMULA INDUSTRI YANG HAMPIR TERKUBUR.

PADA TAHUN 2003, INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA SEKALI LAGI BERDEPAN DENGAN SITUASI SUKAR APABILA NEGARA KITA TELAH MENGIKAT PERSEFAHAMAN DENGAN WORLD HEALTH ORGANISATION (WHO) DALAM MENYOKONG PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG GLOBAL KAWALAN TEMBAKAU MELALUI KONVENSYEN RANGKA KERJA MENGENAI KAWALAN TEMBAKAU (FCTC). PERJANJIAN FCTC YANG DITANDATANGANI PADA 23 SEPTEMBER 2003 DI MANA MALAYSIA TELAH MENJADI PERWAKILAN PADA 16 SEPTEMBER 2005 SEKALI GUS MEWUJUDKAN UNDANG-UNDANG DOMESTIK IAITU PERATURAN-PERATURAN

KAWALAN HASIL TEMBAKAU (PPKHT) PINDAAN 2004 YANG BERKUATKUASA PADA 14 OGOS 2004 YANG MENGHALANG PENGLIBATAN PRODUK TEMBAKAU DALAM INDUSTRI SUKAN. BAYANGKAN, DARIPADA SATU KETIKA BILAMANA KEMEWAHAN DINIKMATI OLEH BOLA SEPAK NEGARA MELALUI PEMBIAYAAN TAHUNAN OLEH DUNHILL YANG MENCECAH RM38 JUTA KEPADA FAM DAN PEMBIAYAAN TAMBAHAN TERKUMPUL SEBANYAK RM1.14 JUTA YANG DIKONGSI SECARA BERSAMA DENGAN 19 AHLI FAM SEJAK DARI TAHUN 1989, KINI TERPAKSA DITAMATKAN PADA TAHUN 2004. APA YANG PASTI, SITUASI INI TELAH MENIMBULKAN DILEMA BUAT BOLA SEPAK NEGARA, LANTARAN TIADANYA KEPASTIAN TENTANG MASA DEPAN. SEKALI LAGI FAM TERPAKSA MENCARI JALAN KELUAR UNTUK MEMASTIKAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA KEKAL TERPELIHARA. BERHADAPAN DENGAN SITUASI SEBEGINI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH, SUKA ATAU TIDAK, FAM KENA MENYELAMI SEMULA PERANANNYA, USAHANYA DAN SEGALA PERANCANGANNYA. BERKAT KEGIGIHAN KEPIMPINAN FAM PADA MASA ITU, YANG BERTUNJANGKAN KERJASAMA DAN PERPADUAN DARIPADA SETIAP AHLI, MAKA 6 TAHUN KEMUDIAN IAITU SEKITAR 2010, KEADAAN BOLEH DIIBARATKAN KEMBALI PULIH.

SIDANG KONGRES YANG SANGAT SAYA MULIAKAN,

BERSANDARKAN KEPADA KEGEMILANGAN DAN KEMELUT DI SEPANJANG PENGENALAN BOLA SEPAK PROFESIONAL, FAM BERPENDIRIAN, INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA KEKAL TERDEDAH KEPADA PELBAGAI KEMUNGKINAN. SESUATU PERLU DILAKUKAN SEGERA BAGI MEMASTIKAN INDUSTRI INI KEKAL MAPAN DAN BERDAYA SAING. JUSTERU, PADA TAHUN 2013, FAM TELAH MEMULAKAN USAHA UNTUK

MEREALISASIKAN PELAN PENSWASTAAN LIGA MALAYSIA. SYUKUR ALHAMDULILLAH, PENSWASTAAN LIGA BERJAYA DILANCARKAN PADA TAHUN 2015 MELALUI PENGENALAN FMLLP YANG KINI DIKENALI SEBAGAI MFL. SEMUA INI BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA MAMPU BERKEMBANG MAJU. SEKIRANYA DI PERINGKAT AWAL PENGENALAN LIGA SEMI PRO DAN LIGA PERDANA, PERHATIAN LEBIH BERTUMPU KEPADA PEMBANGUNAN KARIER PEMAIN PROFESIONAL DAN JURULATIH PROFESIONAL, KINI IANYA DIPERKEMBANGKAN KEPADA PEMBANGUNAN PENGURUSAN, BAIKNYA DI PERINGKAT PENGURUSAN LIGA MELALUI MFL, PENGURUSAN PASUKAN MELALUI PELESENAN KELAB DAN YANG TERKININYA MELALUI PROGRAM PEMISAHAN FA KEPADA FC.

SEBAGAI PRESIDEN, SAYA MENGIMPIKAN BUKAN SEKADAR KEGEMILANGAN DI DALAM PADANG, BAHKAN KEPUTUSAN DARI SEGENAP ASPEK YANG AKAN MENJADIKAN INDUSTRIINI KUKUH, PRODUKTIF DAN BERNILAI TINGGI. DISEBABKAN ITU, APABILA SAYA MULA MEMIKUL JAWATAN PRESIDEN, PERKARA PERTAMA YANG SAYA TUNTUT ADALAH PENETAPAN HALATUJU BOLA SEPAK NEGARA YANG JELAS, JITU, BERSEPADU, REALISTIK DAN SEIMBANG. LAHIRNYA F:30 PADA TAHUN 2018 TELAH MENYAKSIKAN PELBAGAI PROGRAM TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN.

DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN, SAYA TELAH MEMPERKENALKAN SATU PROGRAM KHAS YANG DIKENALI SEBAGAI D.N.A BOLA SEPAK MALAYSIA YANG BAKAL MEMERSIAPKAN SISTEM PEMBANGUNAN TEKNIKAL DIBENTUK SECARA SERAGAM DAN BERSISTEMATIK. TUMPUAN FAM JUGA TURUT TERARAH KEPADA PEMBANGUNAN DI PERINGKAT AKAR UMBI MELALUI PENGENALAN PIAGAM AKAR

UMBI SUPARIMAU. PEMBANGUNAN DI PERINGKAT AHLI FAM KEKAL MENJADI KEUTAMAAN SAYA. KEKUATAN FAM SUKAR DIPERKUKUHKAN ANDAI AHLINYA TIDAK MEMBANGUN SECARA SEKATA. OLEH HAL YANG SEDEMIKIAN, SAYA TELAH MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA SATU PROGRAM YANG DIREKA KHAS UNTUK MEMBANTU AHLI FAM YANG DIKENALI SEBAGAI PROJEK A.C.E.

PENGUKUHAN SEKTOR PERTANDINGAN YANG MENJADI TUNJANG KEDUA DALAM F:30 TERUS DIBERI PERHATIAN. PENGENALAN MPFL PADA TAHUN 2019 DAN DISUSULI DENGAN LIGA NEGERI DAN LIGA SUPARIMAU ADALAH MERUPAKAN ANTARA LANGKAH AWAL DALAM USAHA FAM UNTUK MEMAJUKAN PERTANDINGAN. M3 DAN M4 AKAN DIURUSKAN OLEH FAM DENGAN HARAPAN IANYA DAPAT DIBANGUNKAN SECARA TOTAL SEIRING DENGAN NEW COMPETITIONS PATHWAY YANG KINI MENJADI ANTARA SATU AGENDA PENTING KEPADA FAM. SAYA PERCAYA LEBIH BANYAK LAGI AKTIVITI PERTANDINGAN YANG PERLU DILIHAT DAN DİPELOPORI TERUTAMA SECARA BEKERJASAMA DENGAN AHLI FAM SELEPAS INI.

SEPERTIMANA PEMBANGUNAN DAN PERTANDINGAN, TADBIR URUS BAIKNYA DI PERINGKAT FAM MAHUPUN AHLI DAN KELAB TURUT MENJADI PERHATIAN FAM SECARA BERTERUSAN. PINDAAN STATUT DILAKSANAKAN BAGI MEMENUHI ROH PEMISAHAN FA DAN FC DI SAMPING MEWUJUDKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN FAM TERMASUKLAH DALAM SOAL PEMILIHAN DAN SEBAGAINYA. SEBAGAI PRESIDEN MFL, SAYA JUGA TELAH MEMBERI PENEKANAN YANG CUKUP BESAR KEPADA PENYERTAAN KELAB DI PERINGKAT LIGA SUPER DAN LIGA PREMIER MELALUI PENGUATKUASAAN E.C.P BAGI MENANGANI ISU

## TUNGGAKAN YANG MEMBELENGGU BOLA SEPAK NEGARA KETIKA INI.

SIDANG KONGRES DAN PARA HADIRIN,

HARI INI FAM BUKAN SAHAJA TELAH DAN SEDANG MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN, PERTANDINGAN DAN TADBIR URUS BAIKNYA YANG MELIBATKAN KEJURULATIHAN, KEPENGADILAN, PERTANDINGAN, AKAR UMBI, BOLA SEPAK WANITA, PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN SEBAGAINYA, BAHKAN KITA AKAN TERUS MEMACUKAN HALA TUJU BOLA SEPAK NEGARA KE HADAPAN MELALUI BANYAK LAGI INSIATIF BAHARU YANG BAKAL SAYA PERKENALKAN.

RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN,

DALAM KITA MEMBICARAKAN BOLA SEPAK SEBAGAI SATU INDUSTRI, MUNGKIN ELOK UNTUK SAYA BERKONGSI SEDIKIT INFO MENGENAI INDUSTRI SUKAN GLOBAL DENGAN SEMUA RAKAN YANG HADIR PADA PAGI INI.

PADA TAHUN 2018, SUMBANGAN OLEH INDUSTRI SUKAN KEPADA PERTUMBUHAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP) AMERIKA SYARIKAT TELAH MENCECAH 3% PADA TAHUN 2017, SATU ANGKA YANG CUKUP BESAR DAN SIGNIFICANT. CHINA PULA TELAH MEREKODKAN SUMBANGAN SEKTOR SUKAN SEBANYAK 1% KEPADA PERTUMBUHAN GDP PADA TAHUN YANG SAMA.

BERDASARKAN KAJIAN OLEH CLEARINGHOUSE FOR SPORT DI BAWAH TAJUK ECONOMIC CONTRIBUTION OF SPORT, INDUSTRI SUKAN AUSTRALIA PULA TELAH MEREKODKAN

SUMBANGAN SEKITAR 2% HINGGA 5% KEPADA GDP NEGARA BERKENAAN. KAJIAN BERKENAAN TURUT MENYATAKAN, SPORT CREATES SIGNIFICANT VALUE WITH AT LEAST AUS\$7 RETURNED ON EVERY DOLLAR EXPENDED IN THE SECTOR. THIS FIGURE IS A COMBINATION OF DIRECT ECONOMIC BENEFITS, THE NETWORK OF VOLUNTEERS, AVOIDED HEALTH COSTS, AND EDUCATION BENEFITS. TURNOVER UNTUK INDUSTRI SUKAN GLOBAL DIRAMALKAN AKAN TERUS MENJADI LEBIH AKTIF DAN DIJANGKAKAN AKAN KEKAL MELONJAK NAIK PADA TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG.

DI MALAYSIA, KITA BELUM LAGI MENYEDIAKAN SATU PERANGKAAN KHUSUS DALAM MEMBUAT KAJIAN ATAS IMPAK INDUSTRI SUKAN TERUTAMANYA BOLA SEPAK KEPADA PERTUMBUHAN GDP NEGARA. IN SHA ALLAH SAYA AKAN MENGUSULKAN PERKARAINI KEPADA TAN SRI NORZA AGAR MOM BOLEH MELIHAT DAN MEMPELOPORI IDEAINI.

NAMUN, BERDASARKAN PERANGKAAN YANG KITA ADA, INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA TELAH MEREKODKAN PERBELANJAAN SEBANYAK RM350 JUTA PADA TAHUN 2016, RM320 JUTA PADA TAHUN 2017 DAN SETERUSNYA, RM370 JUTA PADA TAHUN 2018.INI ADALAH MERUPAKAN SATU ANGKA YANG CUKUP BESAR, DAN APA YANG PASTI, ANGKAINI AKAN TERUS MENINGKAT DARI TAHUN KE TAHUN.

PERLU DIINGATKAN, SEMUA PERBELANJAANINI TURUT MENJANAKAN PENDAPATAN KEPADA PIHAK LAIN YANG MENAWARKAN PERKHIDMATAN KEPADA INDUSTRI BOLA SEPAK TERUTAMANYA INDUSTRI LOJISTIK SEPERTI SEKTOR PENGANGKUTAN, SEKTOR PERHOTELAN, SEKTOR F&B DAN TIDAK KETINGGALAN LAIN-LAIN INDUSTRI HILIRAN SEPERTI BARANGAN SUKAN, PENYIARAN, MERCHANDISING, INFRA SUKAN, PERCETAKAN DAN SEBAGAINYA.

SEDAR ATAU TIDAK, INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA YANG KITA DUKUNG SELAMAINI BUKAN TERHAD KEPADA PEMBANGUNAN SUKAN BOLA SEPAK ITU SAHAJA, BAHKAN KINI TURUT MENYUBANG KEPADA PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI NEGARA MELALUI PERKEMBANGAN INDUSTRI HILIRAN YANG BERKAIT RAPAT DENGAN BOLA SEPAK. KEBERGANTUNGAN INDUSTRI HILIRANINI KEPADA KITA MENUNTUT KESTABILAN DALAM INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA ITU SENDIRI.

MENGAMBILKIRA FAKTA DAN ASASINI, ADALAH WAJAR UNTUK KITA AGAR LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN MENYAYANGI INDUSTRI BOLA SEPAKINI. HAKIKATNYA, PERANAN KITA ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA APA YANG KITA FIKIRKAN SELAMAINI. TERUS TERANG SAYA PERKATAKAN, KESTABILAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA TETAP AKAN RAPUH SEKIRANYA ISU-ISU TEPU LAGI MENJENUHKAN SEPERTI TUNGGAKAN GAJI, TUNGGAKAN KWSP, TUNGGAKAN LHDN, ISU PERMIT KERJA, KEGAGALAN PEMATUHAN ARAHAN DAN PERATURAN DAN SEBAGAINYA MASIH MEMBELENGGU DAN MEMENJARAKAN HALA TUJU BOLA SEPAK NEGARA.

HARIINI, SEPATUTNYA KITA SUDAH JAUH MAJU KE HADAPAN DAN BUKANNYA TERIKAT DENGAN ISU LAPUK YANG MEMBENGITKAN PERKEMBANGAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA. KEPADA YANG SUDAH TERLIBAT LAMA DALAM BOLA SEPAK, JASA, USAHA DAN PENGALAMAN ANDA WAJAR DIJADIKAN KEKUATAN DAN PEDOMAN. PERCAYALAH, CARA ANDA SEBELUMINI TIDAK WAJAR DITAKRIFKAN SEBAGAI PEMIKIRAN JUMUD SEBAB SETIAP PENDEKATAN DAN CARA ANDA BERKAIT RAPAT DENGAN SITUASI DAN ERA.

KEPADА GENERASI BAHARU YANG SUDAH MULA BERTAPAK DALAM PENGURUSAN BOLA SEPAK, TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN ATAS KEBERANIAN DAN KESUNGGUHAN ANDA UNTUK BERGANDING BAHU DALAM MISI UNTUK MELETAKKAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. TERIMALAH PENGGIAT BOLA SEPAK NEGARA YANG TELAH BERJASA DENGAN CARA MEREKA SEPERTIMANA MEREKA BELAJAR DARIPADA ORANG-ORANG SEBELUM MEREKA. MASA DEPAN INDUSTRI INI MEMERLUKAN KESEPAKATAN DAN PERPADUAN DARI SEMUA, BUKANNYA DIASINGKAN OLEH IDEOLOGI MAUPUN GENERASI.

MASANYA SUDAH TIBA UNTUK KITA MENGASINGKAN DI ANTARA YANG BERSEDIA DAN BERUSAHA DENGAN MEREKA YANG LEKA. PENGUATKUASAAN BAIKNYA DI PERINGKAT FAM MAUPUN MFL AKAN DIPERGANDAKAN, PINTU UNTUK MENCARI JALAN SINGKAT KINI SUDAH DITUTUP RAPAT. INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA AKAN TERUS DIPACU, SAMA ADA DENGAN PENYERTAAN OLEH SEMUA ATAU SEBAHAGIAN YANG ADA. APAPUN, SAYA NEKAD DAN TETAP BERSEDIA DAN SAYA TERAMAT MENGHARAP AGAR RAKAN-RAKAN SEMUA TURUT SEKATA. KEPUTUSANINI BUKAN MENCERMINKAN KEKEJAMAN, SEBALIKNYA MERUPAKAN GARIS PEMISAH DI ANTARA KEMAJUAN ATAU KEMUNDURAN. IANYA SEIRING DENGAN APA YANG DIGAMBARKAN OLEH SHAKESPEARE....I MUST BE CRUEL ONLY TO BE KIND; THUS, BAD BEGINS, AND WORSE REMAINS BEHIND!

RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAYA KAGUMI,

UNDERSTANDING WHERE WE ARE GOING, COMES FROM KNOWING WHERE WE HAVE BEEN. WE OUGHT TO LEARN FROM YESTERDAY, LIVE FOR TODAY AND PREPARE FOR

TOMORROW. WHAT WE COMMIT TO OURSELVES TODAY,  
WILL ECHO THROUGH GENERATIONS TO COME.

APABILA DUNIA BERHADAPAN DENGAN PANDEMIK COVID-19, KITA, DALAM INDUSTRI BOLA SEPAK JUGA TURUT TERKESAN. ADA DALAM KALANGAN KITA TERKESAN DARIPADA PELBAGAI IMPAK, TETAPI APA YANG PASTI, RATA-RATA DARIPADA KITA TELAH TERKESAN DENGAN IMPAK EKONOMINYA. KEADAANINI TELAH MEMAKSA KITA UNTUK MELIHAT SEMULA SETIAP SATU PERANCANGAN KITA PADA TAHUN 2020INI TADI. SEMUA SEDIA MAKLUM, BEBERAPA KEPUTUSAN LUAR JANGKA TELAH DIAMBIL SEPERTI PENANGGUHAN DAN PEMBATALAN BEBERAPA AKTIVITI PENTING. BEBERAPA AKTIVITI UTAMA SEPERTI PERLAWANAN FIFA WORLD CUP QATAR 2022 PRELIMINARY COMPETITIONS DAN AFF SUZUKI CUP TELAH DITANGGUHKAN. BEGITU JUGA DENGAN KEMPEN LIGA SUPER, LIGA PREMIER DAN PIALA MALAYSIA. KITA JUGA TELAH MEMBATALKAN BEBERAPA SIRI AKTIVITI SEPERTI MPFL, PIALA FA, M3 DAN M4, PIALA PRESIDEN DAN PIALA BELIA UNTUK TAHUN 2020. SEMUAINI KITA LAKUKAN SETELAH MELALUI KAJIAN DAN PERBINCANGAN DENGAN SEMUA PEMEGANG TARUH. MUNGKIN ADA YANG BERANGGAPAN TINDAKAN KITA LEBIH MENJURUS KEPADA LANGKAH COST EFFECTIVE, TAPI HAKIKATNYA, KITA TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN YANG TURUT MENGIMBANGI HUMAN WELL-BEING. BAGI SAYA, KESIHATAN SEJAGAT BUKAN SATU PILIHAN!!!

SIDANG KONGRES YANG SAYA HARGAI,

SEBAGAI PRESIDEN, SAYA AMAT MENGHARGAI KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN YANG SEMUA TELAH BERIKAN. SAYA PASTI SETIAP SATU DARIPADA KITA WAJAR MENYELAMI KESABARAN YANG TINGGI KETIKA INI.

SEBAGAI UMAT ISLAM, SEGALA BENTUK KESABARANINI  
DITUNTUT, SELARAS DENGAN MAKSDUD YANG TERKANDUNG  
DALAM SURAH AL-BAQARAH AYAT 155 YANG MENYATAKAN  
DENGAN JELAS

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ غَيْرِ مِنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ  
وَنَقْضٌ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ  
وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

YANG BERMAKSUD

'DAN SUNGUHNYA AKAN KAMI BERIKAN CUBAAN  
KEPADAMU, DENGAN SEDIKIT KETAKUTAN, KELAPARAN,  
KEKURANGAN HARTA, JIWA DAN BUAH-BUAHAN. DAN  
BERIKANLAH BERITA GEMBIRA KEPADA ORANG-ORANG  
YANG SABAR.'

SETIAP KEPUTUSAN YANG TELAH KITA AMBIL, BAIKNYA DI  
PERINCKAT FAM MAHUPUN MFL, BUKAN BERMAKSUD KITA  
MENGALAH DAN BERSERAH. SEBALIKNYA, IANYA BERSIFAT  
UNTUK LEBIH BERSIAP SEDIA BAGI MENGHADAPI SEGALA  
ANCAMAN KESAN DARIPADA PANDEMIK INI.

AS THE SAYING GOES.... SOMETIMES, IT IS NECESSARY TO  
TAKE ONE STEP BACKWARD, TO TAKE TWO STEPS FORWARD.  
BIARLAH KITA MENGAMBIL PENDEKATAN SUN TZU....'KNOW  
YOURSELF AND YOU WILL WIN ALL BATTLES.

UNTUK MAKLUMAN SEMUA RAKAN DI SINI,

DI SEPANJANG TEMPOH PKP, SAYALAH SATU-SATUNYA PRESIDEN PERSATUAN SUKAN YANG PALING KERAP KELUAR MASUK KE PEJABAT YB MENTERI BELIA DAN SUKAN. IANYA BUKANLAH SESUATU YANG HARUS DIBANGGAKAN TETAPI PERLU DILIHAT DARI SEGI KEPERLUAN. SEBAGAI PEMIMPIN KEPADA FAM DAN MFL, MENJADI TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN KEPADA SAYA UNTUK BERIKHTIAR DAN MENGUSAHKAN SESUATU DENGAN MENAWARKAN PELBAGAI BENTUK CADANGAN, SOP DAN SEBAGAINYA. SEMUANYA INI SEMATA-MATA UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN DAN MASA DEPAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA SERTA MENGBALIKAN BOLA SEPAK SECEPAT YANG MUNGKIN.

SYUKUR ALHAMDULILLAH, HARI INI SEGALANYA MULA MENERBITKAN SINAR KEPADA KITA. KEPADA SEMUA RAKAN YANG TELAH BERDIRI TEGUH BERSAMA SAYA SELAMA BERHADAPAN DENGAN PANDEMIKINI TADI, JUTAAN TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN. SEMANGAT SETIAKAWAN DAN BERPASUKAN, SEKALI LAGI TERSERLAH PADA SAAT KITA BERHADAPAN DENGAN KEMELUT DAN DUGAAN. TRUE FRIENDS AREN'T THE ONES WHO MAKE YOUR PROBLEMS DISAPPEAR. THEY ARE THE ONES WHO WON'T DISAPPEAR WHEN YOU ARE FACING PROBLEMS.

MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI, SAYA MENYERU SIDANG KONGRES BERSAMA-SAMA DENGAN PARA HADIRIN UNTUK BERDIRI DAN MEMBERI TEPUKAN SELAMA SEMINIT SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN KITA KEPADA KEPIMPINAN NEGARA, KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI, MAJLIS TINDAKAN NEGARA, KBS, KKM, SEMUA FRONTLINERS YANG TELAH BERKORBAN MASA DAN NYAWA UNTUK MEMASTIKAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 MAMPU DITANGANI DAN

HASILNYA TURUT DINIKMATI OLEH WARGA BOLA SEPAK NEGARA.

TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI INI, ADALAH ELOK UNTUK MENGINGATKAN KEMBALI UCAPAN SULUNG SAYA KETIKA MULA DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PADA TAHUN 2018. SAYA ADA MENYENTUH MENGENAI INDUSTRI BOLASEPAK YANG KINI SUDAH BERJAYA MENAKLUKI GLOBAL REACH AND MAGNITUDE. SAYA JUGA TURUT MENGINGATI, SEANDAINYA KITA MENGIMPIKAN BOLASEPAKINI UNTUK MAMPU KEKAL MENDOMINASIKAN PENTAS YANG KITA NIKMATI SELAMAINI, KESEMUA KITA PERLU DAN WAJAR MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN AS A TEAM WITH DILIGENCE, PASSION AND COMMON RESPECT. BIARLAH HARIINI MENJADI SAKSI KEPADA JANJI KITA.

SAYA PERCAYA SEMUA SUDAH AMBIL MAKLUM MENGENAI USAHA SAYA SELAMAINI. KITA KINI BERADA DI PERTENGAHAN JALAN DAN DI HADAPANNYA MASIH ADA LIKU DAN PERSIMPANGAN.

WE MAY STUMBLE. WE MAY FALL SHORT. BUT I PLEDGE TO YOU, THAT WE WILL ACT BOLDLY AND DEAL WITH OUR CHALLENGES HONESTLY. PENGAYUH SUDAH DITANGAN, YANG TINGGAL HANYA NAKHODA YANG MENENTU ARAH YANG TEPAT DAN MEMBAWA PERJALANANINI MENUJU KEDESTINASINYA.

BERPEGANG ATAS PRINSIPINI, SAYA SEKALI LAGI MENYERU KETERLIBATAN SEMUA RAKAN SEPERJUANGAN, BAIKNYA DARI KALANGAN AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF, AHLI GABUNGAN DAN SEMUA RANGKAIAN BOLA SEPAK NEGARA

UCAPAN OLEH YBHG DATUK HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN, PRESIDEN FAM  
KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-56 2020

UNTUK BERGANDING BAHU BERSAMA SAYA DAN MISI  
MENCAPAI KEGEMILANGAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN DAN HARI  
MALAYSIA.

WABILLAHI TAUFIQ WAL-HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.